

## → PEKERJAAN

# Konsep 'HIRARC' pastikan tempat kerja selamat, sihat

● Kurangkan kemalangan, bantu tingkat produktiviti organisasi

Oleh Suhaila Shahrul Annuar  
cnews@nstp.com.my

Putrajaya

**P**ersekitaran kerja kondusif, selamat dan sihat akan menjadi pemangkin kepada produktiviti pekerja, sekali gus menyumbang kepada daya saing organisasi.

Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Ir Omar Mat Piah, berkata kegagalan sesetengah pihak terutama majikan sambil lewa dengan memandang remeh soal pematuhan konsep keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) ibarat sengaja membakar bom jangka yang boleh meletup pada bila-bila masa.

Beliau berkata, walaupun Ma-

laysia menuju ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi, masih ramai sambil lewa kepentingan KKP sehingga berlaku kemalangan, kecederaan atau kematian di tempat kerja.

Masih ada abai KKP

"Lebih menyedihkan, masih ada pihak langsung tidak mahu melabur dalam aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja kerana faktor kos, sedangkan majikan perlu ada rasa tanggungjawab sosial untuk setiap pekerjaannya," katanya ketika ditemui, di sini.

Omar berkata, konsep 'HIRARC' iaitu pengenalpastian bahaya, penilaian risiko dan kawalan risiko sepatutnya menjadi pegangan serta panduan setiap majikan bagi mencari cara mengelakkan masalah itu berlaku.

Katanya, latihan dan pendidikan penting dalam pengurusan KKP kerana ia menyumbang ke arah peningkatan keselamatan serta kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

"Apabila konsep HIRARC menjadi amalan di tempat kerja, usaha kerajaan mewujudkan budaya pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan dapat direalisasikan bagi membantu meningkatkan produk-

Fakta  
nombor

28 APRIL

Hari Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja Sedunia

5 MEI

tarikh sambutan peringkat kebangsaan yang akan diadakan di Arena, Chenor, Pahang



Masih ramai sambil lewa mengenai kepentingan KKP sehingga berlaku kemalangan, kecederaan atau kematian di tempat kerja"

Omar Mat Piah,  
Ketua Pengarah Jabatan  
Keselamatan dan  
Kesihatan Pekerjaan



tiviti serta melahirkan generasi pekerja selamat dan sihat.

"Selain itu, kaedah kawalan risiko mengikut hierarki yang betul juga perlu ke arah pematuhan konsep KKP merangkumi beberapa elemen iaitu penghapusan, penggantian, pengawalan kejuruteraan, pengawalan pentadbiran dan alat pelindung diri (PPE).

"Keselamatan dan kesihatan di tempat kerja bukan hanya mengenai alat pelindung diri seperti topi keselamatan dan kasut but sebaliknya ia lebih daripada itu," katanya

**Tingkat kesedaran, kawalan**  
Omar berkata, berdasarkan standard Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), selain kadar kemalangan di tempat kerja, penyakit dan keracunan pekerjaan juga mempengaruhi tahap KKP sesebuah negara.

"Pada 2016, jumlah kemalangan di tempat kerja di seluruh negara sebanyak 41,005 kes, manakala 7,820 kes bagi penyakit dan keracunan pekerjaan dengan 91 peratus daripadanya adalah Pekak Disebabkan Kebisingan Pekerjaan, Masalah Tulang-Otot Pekerjaan (tiga peratus) dan Penyakit Paru-Paru Pekerjaan (dua peratus).

"Kesan kemalangan boleh dilihat dalam masa singkat, tetapi penyakit dan keracunan pekerjaan biasanya dikesan dalam tempoh lama, jadi pengawalannya sangat penting bagi mengelak risiko kepada pekerja untuk jangka panjang," katanya.

Beliau berkata, Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja pada 28 April setiap tahun bagi mengenang mangsa terbabit kemalangan dan penyakit berkaitan pekerjaan di tempat kerja dan berharap kadar kemalangan di tempat kerja di negara ini dikurangkan kepada 2.53 bagi setiap 1,000 pekerja dan kadar kemalangan maut di tempat kerja menurun kepada 4.36 bagi setiap 100,000 pekerja pada 2020.

Katanya, 'Generasi Selamat dan Sihat' adalah tema tahun ini dan sambutan peringkat kebangsaan diadakan di Arena, Chenor, Pahang pada 5 Mei ini dengan pelbagai pengisian serta aktiviti menarik.

"Sasaran kerajaan meningkatkan pekerja mahir ini kepada 35 peratus pada 2020 dan pekerja muda berusia antara 16 hingga 25 tahun ini perlu didedahkan dengan aktiviti berkaitan KKP bagi memupuk budaya bekerja dengan selamat dan sihat," katanya.